



## JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

### **KENYATAAN MEDIA (06 OGOS 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dilaporkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak kekal sebanyak **678** kes.

#### **A. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Setakat hari ini, terdapat **sepuluh (10)** kluster yang masih aktif iaitu:

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraan: kekal lapan (8) kes
- b) Kluster Mambong: kekal tujuh (7) kes
- c) Kluster Pusat Perubatan: kekal tiga (3) kes
- d) Kluster Jupiter: kekal tiga (3) kes
- e) Kluster Pasar Stutong: kekal tujuh (7) kes
- f) Kluster Jeti Kuching: kekal dua (2) kes
- g) Kluster Sentosa: kekal 31 kes
- h) Kluster PUI Melbourne: kekal tiga (3) kes
- i) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: kekal dua (2) kes
- j) Kluster Pasar Satok: kekal empat (4) kes

Dimaklumkan juga **empat (4)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **621**orang atau **91.59%**.

Seramai **38** orang masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital, dan jumlah kematian kekal 19 orang atau 2.80%

Hari ini sebanyak **33 PUI** baru dilaporkan dan **6** kes masih menunggu ujian makmal.

## **2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat dan memutuskan beberapa Garis Panduan (SOP) seperti berikut:

### **A. Tatacara Kemasukan Ke Sarawak**

- i. Bagi warganegara Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Labuan yang masuk ke Sarawak, mereka **tidak perlu memohon dan mengisi** borang **EnterSarawak**. Walau bagaimanapun Borang Pengisytiharan Kesihatan (E-Health Declaration Form) masih wajib diisi.
  
- ii. Bagi warganegara asing dan warganegara Malaysia yang tiba atau transit dari luar negara, mereka **masih perlu memohon dan mengisi** borang **EnterSarawak dan Borang Pengisytiharan Kesihatan (E-Health Declaration Form)**.

## **B. Tatacara Kuarantin di Sarawak**

### **(Kuarantin di Hotel)**

- i. Semua warganegara Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Labuan yang masuk ke Sarawak yang destinasi terakhir mereka di kawasan pedalaman dan jauh dari Klinik Kesihatan yang menyediakan kemudahan untuk mengambil sampel COVID-19, akan dikuarantin di hotel. Sampel akan diambil pada hari ke-2 dan sekiranya keputusan adalah negatif, barulah mereka dibenarkan balik ke rumah masing-masing.

**(Nota : Bagi penumpang yang transit, mereka akan dikuarantin di destinasi terakhir mereka)**

### **(Kuarantin di Rumah)**

- ii. Semua warganegara Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Labuan yang masuk ke Sarawak yang destinasi terakhir mereka di kawasan bandar (Kuching, Samarahan, Serian, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas) dimana kawasan tersebut ada menyediakan Klinik Kesihatan untuk mengambil sampel COVID-19, mereka akan dipasang "**wristband**" dan dibenarkan balik ke rumah masing-masing. Sampel COVID-19 akan diambil pada hari ke-2 di lokasi Klinik Kesihatan yang berhampiran. Sekiranya keputusan adalah negatif, mereka tidak perlu menyambung baki kuarantin.

**(Nota: Bagi lapangan terbang yang ada menyediakan pusat saringan, sampel COVID-19 akan diambil terus, setibanya di lapangan terbang)**

### **C. Garis Panduan (SOP) Pusat Hiburan**

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah membentangkan Garis Panduan (SOP) pembukaan pusat hiburan (**karaoke berbilik sahaja**) yang dibenarkan untuk beroperasi. Manakala pusat **karaoke terbuka tidak dibenarkan** beroperasi. **Arahan ini berkuatkuasa pada 15 Ogos 2020.**

### **3. SEKATAN JALAN RAYA ANTARA ZON (ZON 1 & ZON 2)**

Hari ini sebanyak **1,268** jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang telah diadakan di dua lokasi iaitu di Daerah Simunjan dan Sri Aman. Daripada jumlah tersebut, **1,190** daripadanya telah mendapat kebenaran dan **78** telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran.

### **4. LAPORAN NOTIS KOMPAUN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **9 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP). Notis kompaun yang telah dikeluarkan adalah di Limbang (3), Miri (3), Kota Samarahan (2) dan Sarikei (1).

## **5. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)**

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam.

Hari ini sebanyak **2,222 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (355), Restoran (490), Kilang (9), Bank (164), Pejabat Kerajaan (81), Penjaja (37), Pasar Tani/Awam (107), Tempat Ibadah (111), Tempat Riadah (59), Tapak Pembinaan (29) dan lain-lain (780).

Seramai **693 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (361), ATM (33), RELA (145), APM (106), PBT (37) dan Lain-lain agensi (11).

## **6. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,507** jumlah kenderaan telah diperiksa.

## **7. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI**

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

**S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

**O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

**P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**06 OGOS 2020**

**4.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	678	Kes sedang dirawat di hospital	38	5.60%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	66,131	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	678	Jumlah kes kematian	19	2.80%
IR per 100,000 penduduk	21.98	Kes telah sembuh dan discaj	621	91.59%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Patient Under Investigation (PUI)	Baru	Kumulatif
Negatif	28		33	9,039
Menunggu keputusan	6			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	38	0	0	0	0	0	38
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	4	0	0	0	0	4
	Kumulatif	529	33	27	31	1	621
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	0	0	19

#### DAERAH KUNING (4)

No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	26	5,874	0	420	2	379	0	12	29	33	24
2	Serian	0	302	0	24	0	21	0	0	3	3	3
3	Lundu	0	243	0	3	0	2	0	0	1	1	1
4	Samarahan	1	541	0	112	2	103	0	4	5	9	9
Jumlah		27	6,960	0	559	4	505	0	16	38	46	37

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Bau	3	166	0	6	0	6	0	0	0	0	0
2	Bintulu	0	271	0	27	0	27	0	0	0	0	0
3	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0	0
4	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0	0
5	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
7	Limbang	2	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
8	Miri	0	821	0	23	0	22	0	1	0	0	0
9	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0	0
10	Sri Aman	0	47	0	3	0	2	0	1	0	0	0
11	Betong	1	187	0	16	0	16	0	0	0	0	0
12	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0	0
13	Mukah	0	43	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0	0
16	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Lubok Antu	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>6</b>	<b>2,079</b>	<b>0</b>	<b>119</b>	<b>0</b>	<b>116</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>33</b>	<b>9,039</b>	<b>0</b>	<b>678</b>	<b>4</b>	<b>621</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>38</b>	<b>46</b>	<b>37</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
1	<b>Kluster Kuching Conference</b>		0	191	22 June, 2020		
2	<b>Kluster Seri Petaling</b>		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020 15 May, 2020 10 June, 2020 12 May, 2020 26 May, 2020 12 May, 2020 3 June, 2020 3 June, 2020 15 May, 2020 2 May, 2020	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
2i	<b>Sporadik</b>				15 May, 2020		
	i) Betong	6			2 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			6 June, 2020		
	iii) Serian	1			12 May, 2020		
	iv) Kuching	9			18 April, 2020		
	v) Bintulu	2			24 May, 2020		
	vi) Miri	8			13 April, 2020		
	vii) Mukah	2			26 May, 2020		
	viii) Limbang	2					
3	<b>Kluster PUI Itali</b>		0	65	30 May, 2020		
4	<b>Kluster Petugas Kesihatan Kuching</b>		0	68	6 June, 2020		
5	<b>Kluster Kidurong</b>		0	8	19 July, 2020		
6	<b>Kluster Tapak Pembinaan Kuching</b>		0	3	22 July, 2020		
7	<b>Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching</b>		0	8	Active		
8	<b>Kluster Mambong</b>		0	7	Active		
9	<b>Kluster Jupiter</b>		0	3	Active		
10	<b>Kluster Pusat Perubatan Kuching</b>		0	3	Active		
11	<b>Kluster Pasar Stutong</b>		0	7	Active		
12	<b>Kluster Jeti</b>		0	2	Active		
13	<b>Kluster Sentosa</b>		0	31	Active		
14	<b>Kluster PUI Melbourne</b>		0	3	Active		
15	<b>Kluster Syarikat Pembinaan Kuching</b>		0	2	Active		
16	<b>Kluster Pasar Satok</b>		0	4	Active		
17	<b>Kluster-kluster kecil</b>		0	63	-		
18	<b>Sporadik kes</b>		0	57	-		
19	<b>Kes import dari luar negara</b>		0	38	-		
20	<b>Masih dalam siasatan dan kes baru</b>		0	0	-		
<b>Jumlah</b>			0	678			

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **216 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **17 buah hotel** adalah seramai **1,573 orang**. Manakala seramai **19,715 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 06.08.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (978)	Hock Lee	156
2		Kuching Park	98
3		Hilton	291
4		Harbour View	165
5		Riverside (Astana Wing)	181
6		Riverside (Puteri Wing)	87
7	Miri (359)	Mega	91
8		Eastwood Valley	43
9		Meritz	89
10		Dynasty	136
11	Bintulu (88)	Wasan Inn	29
12		101 Hotel	18
13		Motel Kapok	18
14		Faber Inn	23
15	Limbang (58)	Purnama	44
16		Mandarin (Lawas)	14
17	Sibu (90)	Premier	90
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,573</b>

### **3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Pada hari ini, sebanyak **4 lokasi di Miri (3) dan Kuching (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,447 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 06.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	458
2	Miri	251
3	Sibu	118
4	Bintulu	110
5	Samarahan	108
6	Sarikei	99
7	Limbang	77
8	Betong	48
9	Serian	48
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
<b>Jumlah</b>		<b>1,447</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Pada hari ini, sebanyak **43 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 06.08.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	4
2	MD Serian	3
3	MD Sri Aman	6
4	MP Sibu	10
5	MCC	6
6	MD Marudi	5
7	MD Lawas	9
<b>Jumlah</b>		<b>43</b>